

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90**

Mac/April 1990

SEU 203 - Ekonomi Buruh

Masa: (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja. Semua soalan mempunyai nilai yang sama.

1. Kenalpasti beberapa jenis pengangguran penting di negara-negara yang sedang membangunkan ekonominya; terangkan insidens-insidens dan sebab-sebab berlaku setiap jenis pengangguran itu. Cadangkan dan jelaskan tindakan-tindakan dasar yang sesuai dengan keperluan susunan pengangguran tersebut.

(20 markah)

2. Nilaikan kegunaan "hubungan Phillips" sebagai alat dasar (atau sebagai pembolehubah dasar) berkaitan dengan sesuatu perekonomian tertentu. Timbangkan kemungkinan kelok Phillips dapat digunakan dalam keadaan inflasi terus-menerus dan bincangkan implikasi-implikasi yang berkaitan.

(20 markah)

3. Kenalpasti komponen-komponen utama daripada paradigma "masalah perburuhan dalam pembangunan ekonomi" (Kerr, Dunlop, a. l.). Nilaikan hubungan setiap komponen bagi sesuatu negara/ekonomi seperti Malaysia.

(20 markah)

4. Huraikan secara ringkas saling perhubungan di antara perancangan tenaga manusia dan perancangan pendidikan. Terangkan pengaruh (a) perubahan teknologi, dan (b) kelakuan pasaran ke atas parameter-parameter penawaran dan permintaan tenaga kerja. Cadangkan implikasi-implikasi yang timbul daripada proses perancangan tersebut.

(20 markah)

5. Jelaskan keadaan kewujudan serentak (co-existence) kekurangan-kekurangan penawaran tenaga buruh di dalam estet-estet pertanian besar (tetapi tidak dalam kebun kecil) dan tingkat pengangguran bandar dan luar bandar yang tinggi, di samping terus-menerus berlaku proses-proses pengurangan jumlah gunatenaga di dalam estet-estet.

(20 markah)

6. Terangkan konsep struktur upah dan kegunaannya di dalam pengajian harga perkhidmatan buruh. Tunjukkan klasifikasi yang lazim bagi struktur upah; kenalpasti dan huraikan penentu-penentu utamanya.

(20 markah)

7. Jelaskan pengaruh-pengaruh yang timbul daripada kemasukan ramai "buruh tamu" tak mahir ke atas peluang-peluang pekerjaan dan upah di dalam pasaran-pasaran buruh bandar dan luar bandar bagi sesebuah ekonomi seperti Semenanjung Malaysia.

(20 markah)

8. Terangkan alasan-alasan bagi menggunakan penentuan harga tokok (mark-up pricing) oleh pengurusan firma-firma oligopoli besar. Huraikan implikasi-implikasi tindakan itu terhadap pasaran buruh dan penentuan upah. Pertimbangkan juga keadaan-keadaan yang boleh membawa kepada perluasan pengaruh-pengaruh itu ke atas kegiatan-kegiatan di peringkat makro-ekonomi.

(20 markah)

9. Kenalpasti daya utama yang menggerakkan perubahan struktur pembangunan ekonomi selama proses pembangunan berjalan. Jelaskan pengaruhnya ke atas pembentukan pasaran buruh dan kemunculan tenaga kerja di sektor-sektor moden.

(20 markah)

- oo oOo oo -